

**KAEDAH PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DELINKUEN MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM: TINJAUAN SOROTAN LITERATUR****METHODS OF IDENTITY DEVELOPMENT OF DELINQUENT TEENAGERS  
ACCORDING TO THE ISLAMIC PERSPECTIVE: A REVIEW OF  
LITERATURE HIGHLIGHTS**Aisyah Humairak Abdul Rahman<sup>1</sup>, Mariam Abdul Majid<sup>2</sup>, Nurzatil Ismah Azizan<sup>3\*</sup><sup>1</sup>Pelajar, Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 21mt09001@student.kuis.edu.my.<sup>2</sup>Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mariam@kuis.edu.my.<sup>3</sup>Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nurzatil@kuis.edu.my.

\*Penulis Pengehubung

Artikel diterima: 14 Oktober 2022 | Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022 | Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

Remaja merupakan tulang dan harapan bangsa pada masa hadapan. Golongan ini merupakan generasi muda yang bakal meneraju kepimpinan negara pada masa hadapan. Sekiranya generasi ini rosak, maka akan berlakunya kerosakan pada pentadbiran dan pemerintahan negara masa akan datang. Namun, pada hari ini terdapat pelbagai isu yang berkaitan golongan remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen sehingga menimbulkan kebimbangan dan mengugurkan pelbagai pihak. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 mencatatkan sebanyak 5342 orang remaja terlibat dengan jenayah dan berdasarkan kepada laporan juga menunjukkan bahawa majoriti penghuni di Pusat Pemulihan dan Pelindungan Akhlak adalah terdiri daripada remaja Melayu yang beragama Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan berdasarkan hasil tinjauan kajian-kajian yang lepas. Hasil kajian mendapati, secara umumnya kaedah untuk membangunkan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam adalah terbahagi kepada dua dimensi utama iaitu pembangunan spiritual, pembangunan fizikal. Kedua-dua dimensi ini merupakan aspek penting dalam proses membangun, membentuk dan membina jati diri remaja agar tidak terjebak dengan gejala delinkuen serta melahirkan remaja Muslim yang beriman, bertaqwa dan bermanfaat untuk agama, bangsa dan negara.

**Kata kunci**

Kaedah, Pembangunan, Jati Diri, Remaja, Delinkuen, Islam

**Abstract**

*Teenagers are the pillar and hope of the nation in the future. This group is the young generation who will lead the country's leadership in the future. If this generation is damaged, then there will be damage to the administration and government of the country in the future. However, today there are various issues related to teenagers who are involved in delinquent misbehavior causing*

concern and upsetting various parties. Statistics from the Department of Social Welfare in 2020 recorded a total of 5342 teenagers involved in crime and based on reports also show that the majority of residents at the Moral Rehabilitation and Protection Center are Malay teenagers who are Muslim. Therefore, this study was conducted in order to identify the method of identity development of delinquent teenagers according to the Islamic perspective. This study is qualitative by using the content analysis method based on the results of a survey of past studies. The results of the study found that, in general, the method to develop the identity of delinquent teenagers according to the Islamic perspective is divided into two main dimensions, namely spiritual development and physical development. These two dimensions are an important aspect in the process of developing, forming and building the identity of teenagers so as not to get stuck with delinquent symptoms as well as giving birth to young Muslims who believe, are pious and are useful for religion, nation and country.

**Keywords**

Method, Development, Identity, Adolescent, Delinquent, Islam

**1.0 Pendahuluan**

Remaja pada masa kini sedang berhadapan dengan zaman yang sangat mencabar. Kepadatan ekonomi dan kemajuan globalisasi secara tidak langsung memberi kesan kepada sikap dan sahsiah mereka. Anak-anak remaja mudah terdedah kepada pelbagai anasir yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seharian. Mereka amat memerlukan bimbingan dan panduan bagi membentuk jati diri yang kukuh untuk menangkis segala pengaruh negatif yang akan merosakkan masa hadapan. Pendidikan awal yang paling memberi kesan dalam jiwa anak-anak tidak lain adalah daripada ibu bapa mereka yang bermula di rumah (Mastura Bohari & Farawahida Mohd Yusof, 2020).

Golongan pelajar atau remaja yang melanggar norma masyarakat setempat atau dalam institusi persekolahan dikenali sebagai devian dan delinkuen. Bagi sesetengah individu mungkin perkataan ini asing bagi mereka kerana ia jarang digunakan dalam masyarakat kita hari ini. Masyarakat lebih gemar meletakkan label bagi kumpulan ini sebagai samseng, perogol, kaki ponteng, penagih dadah, homoseksual, lesbian dan sebagainya. Mereka yang mekanggar norma masyarakat setempat inilah dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini melibatkan remaja yang masih bersekolah atau belia maka mereka ini dikategorikan sebagai bertingkah laku delinkuen (Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi, 2019).

Di Malaysia, masalah sosial remaja menunjukkan peningkatan hampir setiap tahun. Antara masalah yang berada pada tahap yang membimbangkan ialah masalah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah. Sebagai contoh berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, pada tahun 2017, seramai 25,992 orang di negara ini dilaporkan telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kes baru penyalahgunaan dadah sebanyak 18,440 dan kes berulang 7,484 orang yang terlibat dengan dadah. Dari jumlah tersebut 24,926 adalah penagih lelaki manakala 996 orang adalah penagih wanita. Penagih dari kalangan orang Melayu adalah paling ramai sebanyak 20,956 dan bakinya daripada etnik Cina, India dan lain- lain etnik Bumiputra. Majoriti yang terlibat adalah golongan muda berumur 13-39 tahun dan faktor utama

yang menyumbang adalah pengaruh rakan sebaya sebanyak 16,209 orang (Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2018). Manakala bagi kes remaja hamil luar nikah, Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan sebanyak 3,938 kes pada tahun 2016 dan 3,694 kes pada tahun 2017. Ada sedikit penurunan pada tahun 2018 sebanyak 2,873 kes dilaporkan. (Kementerian Kesihatan Malaysia 2019).

Konsep pembinaan jati diri penting pada setiap individu dan masyarakat. Jati diri atau huwiyah diertikan sebagai sifat-sifat atau watak asli yang perlu dimiliki oleh individu atau bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut. Jati diri juga merujuk kepada identiti diri yang sebenarnya atau asli yang dimiliki oleh seseorang termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia merujuk kepada identiti diri yang masih utuh dengan nilai-nilai adat, budaya, agama, bangsa dan juga negara. Agama memberi manusia pandangan yang jelas tentang diri dan merubah jiwa dengan identiti dan jati diri yang amat serasi, bernilai dan hakiki (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, 2012).

Jati diri dan Islam saling berkait rapat dalam pembinaan untuk keperibadian seseorang. Unsur peradaban yang Islam terapkan memberi kesan dan membentuk sifat asasi serta keperibadian manusia. Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan masyarakat akan berubah sesuai dengan akidah Islam. Segala bentuk budaya dan sistem kemasyarakatan dibangunkan atas tuntutan akidah sehingga mencapai suatu identifikasi atau jati diri yang unggul berteraskan Islam. Oleh kerana itu, nilai budaya suatu bangsa hanya boleh diterima sebagai asas jati diri bangsa tersebut jika ia benar-benar bersesuaian dengan nilai-nilai agama. Akhirnya, cara yang berkesan bagi mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, 2012).

Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan meninjau mengenai kaedah-kaedah yang diperlukan dalam usaha untuk membangun jati diri remaja yang telah terjebak dengan salah laku delinkuen agar tidak kembali melakukan salah laku tersebut yang hanya dapat membinasakan diri sendiri, agama dan negara.

## **2.0 Sorotan Literatur**

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah ini sangat merunsingkan dan membimbangkan semua pihak. Banyak kaedah telah digunakan untuk menarik mereka ke arah kebaikan bagi membentuk menjadi insan berguna, namun mereka tetap memilih jalan yang salah dan hitam. Kes rogol, ragut, penyalahgunaan dadah, berpeleseran di pusat beli belah, seks bebas, lumba motor haram, black mental dan seumpamanya yang mana semua ini semakin berleluasa dari sehari ke sehari. Mereka seolah-olah suka membuat sesuatu yang negatif hingga mendatangkan kemudharatan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain (Asmaliah Ismail, 2017).

Pelbagai jenis delinkuen sosial yang melibatkan pelajar bermula dari isu yang ringan seperti lewat ke sekolah, ponteng kelas, ponteng sekolah dan melanggar peraturan sekolah, diikuti salah laku yang sederhana seperti melawan guru, menghisap

rokok, membuli seterusnya melakukan salah laku disiplin yang berat seperti pergaulan seks bebas, mengandung dan melahirkan anak luar nikah, pembuangan bayi, penagihan dadah dan rogol dilaporkan hampir setiap hari dalam media massa (Buerah Tunggak et al. 2015).

Azizi Yahya (2010) yang turut menjalankan kajian berkaitan Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja, telah menyenaraikan beberapa penyelesaian terhadap permasalahan keruntuhan akhlak yang berlaku antaranya; iman yang mendalam, akhlak yang terpuji, takwa, berkasih sayang, pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah SWT, amanah dan bertanggungjawab. Semua ini adalah berkait rapat dengan elemen-elemen kecerdasan spiritual seseorang.

Melihat betapa seriusnya gejala delinkuen dalam kalangan remaja pada masa ini, maka usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan perlu dilakukan bagi mengatasi masalah yang sudah sedia wujud. Usaha-usaha menangani delinkuen dalam kalangan pelajar/remaja ini adalah satu amanah yang mesti dipikul bersama oleh semua pihak. Pengaruh rakan sebaya dan kesedaran dalam pergaulan boleh dijadikan garis panduan kepada remaja dalam memilih kawan. Didikan agama dan tahap keimanan yang tipis dalam kalangan anak-anak menyebabkan mereka mudah dipengaruhi dan mudah hilang pertimbangan dengan memilih jalan hidup menggelapkan masa hadapan mereka sendiri. Menurut ajaran Islam, mencegah kemungkaran adalah menjadi kewajipan setiap penganutnya kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Berusahalah menangani masalah ini sebelum nasi menjadi bubur. Oleh itu, kes-kes delinkuen yang telah berlaku dan merebak dalam masyarakat perlu ditangani dengan segera (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim, 2015).

Penyelesaian kepada keruntuhan akhlak dan tidak memiliki jati diri yang ampuh, tidak lain dan tidak bukan adalah dengan kembali menghayati ajaran Islam yang sebenar, iaitu bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah dan kembali mencontohi keupayaan serta kegemilangan kepimpinan Islam terdahulu, khususnya Rasulullah SAW dan para khalifah. Ajaran Islam telah diterjemahkan di dalam pengurusan yang cemerlang dan gemilang sehingga begitu dikagumi dan berkemampuan mengurus dua pertiga daripada muka bumi ini. Modal insan yang diterangkan di dalam Al-Quran lebih menyeluruh iaitu insan yang diciptakan oleh Allah s.w.t untuk melaksanakan dan merealisasikan amanah yang telah ditetapkan iaitu tanggungjawab sebagai seorang khalifah dan dalam masa yang sama mereka perlu beribadah kepadaNya (Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly, 2019).

### **3.0 Metodologi**

Menerusi kajian ilmiah ini, pengkaji menggunakan metode kualitatif. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif untuk menjawab soalan-soalan kajian. Kajian kualitatif merujuk kepada penyelidikan menganalisis data yang tidak berbentuk angka. Metode dokumentasi turut digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat kajian ini. Ini termasuklah artikel serta dokumen yang terdapat di pustaka. Kajian pustaka adalah penting dan utama dalam meneliti semua rujukan yang berkaitan dengan kajian ilmiah

sorotan karya rawatan ketagihan dadah yang terdapat dalam kitab-kitab dakwah, jurnal, tesis terdahulu, kertas kerja dan artikel (Farisha, Berhanundin & Mohd Safri, 2020).

#### 4.0 Dapatan dan Perbincangan

Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti mengenai kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Jadual 1 di bawah menjelaskan kaedah-kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam.

**Jadual 1: Kaedah Membangun Jati Diri Remaja Menurut Islam**

Bil.	Pengkaji	Tahun	Tajuk	Metod	Kaedah Islam
1	Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badruddin	2015	Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali	Kualitatif	Metodologi Pembangunan Modal Insan al-Ghazali: 1.Mujahadah al-Nafs (Takhalli) 2.Tazkiyah al-Nafs 3.Riyadah al-Nafs (Tahalli)
2	Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim	2015	Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu	Kualitatif	Proses pembangunan sahsiah pelajar/remaja muslim -Penerapan dan pengamalan ajaran Islam -Peranan Ibu bapa dan keluarga -Sistem pendidikan yang berkesan -Peranan sekolah -Institusi sosial -Penguatkuasaan undang-undang
3	Nazneen Ismail & Mohd Noorikhwan Sarbini	2015	Peranan Uzlah Dalam Merawat Penyakit Rohani Muslim	Kualitatif	Kaedah Uzlah ini berbentuk kaedah perseorangan dan berkumpulan yang mewujudkan

					<p>persekitaran yang selesa dan selamat untuk pesakit.</p> <p>Uzlah dilakukan dengan mengambil kira ketulusan niat, keadaan sekeliling yang kondusif, keimanan, kefahaman terhadap matlamat, falsafah dan konsep uzlah dipandu oleh pembimbing yang benar memahami penyakit rohani yang diaami pesakit serta sedia untuk membantu.</p> <p>Uzlah diertikan dengan program-program ilmiah lain seperti usrah, kem motivasi, diskusi buku, konvesyen dan seumpamanya.</p>
4	Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff	2017	Teori Al-Nafs Dalam Membentuk Jati Diri Remaja Menurut Perspektif Al-Quran	Kualitatif Instrumen Kajian	<p>Teori Al-Nafs dalam membentuk jati diri remaja dalam Al-Quran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembentukan jati diri dengan baik sangka dengan Allah SWT</li> <li>2. Pembentukan jati diri dengan mengawal nafsu</li> <li>3. Pembentukan jati diri dengan nilai kelembutan akhlak dan hati</li> </ol>
5	Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah	2017	Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial:	Kualitatif (Pendekatan	<p>Kaedah Al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial:</p>

	Azizan, Nazneen Ismail & Zanariah Dimon		Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Tematik )	Pendekatan Akidah dan kerohanian, ilmu, ibadah, jihad dan disiplin, bi'ah solehah, qudwah hasanah. Psikologi, doa, sentuhan syariat serta zikir dan wirid.
6	Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff	2018	Pembentukan Jati Diri Remaja Melalui Pembelajaran Persekitaran Sosial: Analisis Menurut Perspektif Islam	Kualitaif Analisis Kandungan	<p>Kaedah pembelajaran persekitaran sosial menurut al-Quran:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilihan ikon yang baik untuk dicontohi</li> <li>2. Maklumbalas persekitaran</li> <li>3. Dorongan melakukan kebaikan</li> <li>4. Halangan daripada melakukan perkara yang dilarang agama</li> </ol>
7	Nur Diyana Ahmad Puat & Berhanuddin Abdullah	2018	Pembinaan Jati Diri Remaja Felda Melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam	Kualitatif	<p>Bentuk aktiviti berkisar tentang pembangunan akidah, syariah dan akhlak.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aktiviti pembangunan akidah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- "Kelas Akidah" anjuran Darul Fitrah</li> <li>- "Kelas Pengenalan dan Penghayatan Islam" anjuran PERKIM dan JHEAIN</li> </ul> </li> <li>2. Aktiviti pembangunan syariah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kem Ibadat</li> </ul> </li> <li>3. Aktiviti pembangunan akhlak: <ul style="list-style-type: none"> <li>- "Gerakan</li> </ul> </li> </ol>

					<p>Kecemerlangan Remaja/Pelajar. Pemimpin Masyarakat”</p> <p>-Tamrin dan Khemah Kepimpinan</p> <p>-Program Motivasi</p>
8	Nurzatil Ismah Azizan, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Nazneen Ismail	2018	Pembentukan Jati Diri Remaja Dalam Aspek Ruhiyah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Ikon Remaja Dalam Al-Quran	Kualitatif Analisis dokumen dan pendekatan induktif	<p>Pembentukan Jati Diri dalam Aspek Ruhiyah</p> <p>Dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Keteguhan Iman</li> <li>2.Amalan istiqamah</li> </ol>
9	Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Mohd. Farid Mohd Sharif & Jasni Sulong	2018	Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah al-Nafs al-Ghazali: Aplikasinya dalam Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang.	Kualitatif dan Kuantitatif (Mixed Method)	<p>Pembangunan diri menurut perspektif Al-Ghazali:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Proses Mujahadah al-Nafs (usaha yang bersungguh-sungguh melawan nafsu atau mendidiknya)</li> <li>2.Proses Riyadah al-Nafs (latihan jiwa ke arah kebaikan dan suatu proses pemindahan daripada sesuatu yang ringan kepada berat secara berperingkat-peringkat</li> </ol> <p>-al-Takhalli</p> <p>-al-Tahalli</p>
10	Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid	2019	Pengaruh Hassan Al Banna Dalam Pembentukan Jati Diri Muslim	Kualitatif Analisis Kandungan	<p>Prinsip Pembentukan Aklak Muslim menurut Hassan Al Banna iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1.Menghidupkan tarbiah dzatiah</li> </ol>

	& Muhammad Na'im Iman Zulkifly				<p>- Muahadah</p> <p>-Muroqabah</p> <p>-Muhasabah</p> <p>-Mu'aqobah</p> <p>-Mujahadah</p> <p>2.Tarbiah bersama kelompok Soleh</p> <p>- Iman yang sempurna</p> <p>-Cinta, mahabbah, ikatan hati dan rohani antara mereka</p> <p>-Dididik untuk berkorban, menyerahkan jiwa dan dan harta kepada Allah SWT.</p>
11	Nur Shahidah Paad, Sayyid Buhar, Musai Kassim & Abdul Rahman Z.	2020	Pendekatan dan Pengaplikasian Motivasi Agama dalam Modul Pembangunan Diri Remaja: Kajian terhadap Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP)	Kualitatif Analisis kandungan	<p>Langkah Pertama:</p> <p>1.Proses Muatabah= remaja perlu membersihkan jiwa dengan membuang sifat- sifat yang buruk dan bertaubat</p> <p>2.Proses Musharatah= remaja perlu membentuk strategi dan pelan tindakan yag teliti dan bersifat komprehensif</p> <p>3.Proses Muraqabah= Memperbaiki niat, membangunkan sifat tawakkal yang tinggi kepada Allah swt.</p> <p>Langkah Kedua</p> <p>1.Mujahadah= Kesungguhan dalam</p>

melatih dan memaksa diri untuk melaksanakan matlamat perancangan yang telah dibentuk serta meninggalkan segala tabiat buruk.

2. Muhasabah Diri= Remaja dapat melihat sejauh mana perubahan yang telah berjaya dilaksanakan, selain mengenalpasti aspek kelemahan fizikal dan rohani.

3. Muaqabah= Bentuk peneguhan bagi memastikan remaja terus berdisiplin, tegas dengan kehendak nafsu serta melatih kemampuan membina daya tahan dalam diri remaja

Merujuk kepada Jadual 1, hasil daripada tinjauan kajian-kajian lepas mendapati kaedah membangun jati diri manusia terutama dari aspek kerohanian (spiritual) banyak dibahaskan dan dikemukakan oleh tokoh ilmuwan atau sarjana Islam yang dikenali seperti Imam al-Ghazali, Hassan al-Banna serta Abdullah Nasih Ulwan dan sumber panduan yang paling utama adalah al-Quran dan as-sunnah.

Dapatan mendapati bahawa proses pembangunan dan pembentukan jati diri remaja menurut Islam banyak diambil daripada Konsep Tazkiyah Al-Nafs yang diasaskan oleh Imam Al-Ghazali, antaranya ialah yang terdapat pada kajian (Faizatun Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badruddin, 2015; Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff, 2017; Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Mohd. Farid Mohd Sharif & Jasni Sulong, 2018; Siti Nur Aafifah Hashim, 2020; Nur Shahidah Pa'ad, Sayyid Buhar Musal Kassim & Abdul Rahman, Z., 2020). Kesemua kajian ini mempunyai persamaan iaitu dengan membahaskan mengenai konsep Tazkiyah al-Nafs oleh Imam al-Ghazali yang merupakan antara salah satu kaedah bagi membentuk serta membangun jati diri remaja menurut Islam. Kaedah dan pendekatan yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali ini sangat relevan dan sering digunapakai dalam module atau teori pada masa kini yang bukan hanya untuk para remaja bahkan bagi keseluruhan pembangunan manusia.

Secara umumnya, al-Ghazali sering membahaskan dan menegaskan untuk membangunkan diri dan jiwa, asasnya adalah pembersihan jiwa. Malah, beliau sentiasa menekankan keseimbangan rohani dan jasmani dan tidak memberatkan mana-mana antara kedua-duanya (Salasiah, 2015; Fariza, 2015; Zarina, 2015). Manusia terdiri daripada komponen fizikal dan spiritual, namun beliau lebih menekankan aspek spiritual atau dalaman. Seiring dengan konsep penyampaian beliau di dalam lhya' yang mengupaskan ilmu secara zahir dan batin (Yatimah & Mohd Tajuddin, 2008). Al-Ghazali berpendapat bahawa manusia mempunyai identiti yang tetap dan tidak berubah. Ia merujuk kepada al-nafs iaitu jiwa. Al-nafs adalah zat yang berdiri sendiri, tidak bertempat dan letaknya pengetahuan intelektual (Nasution, 1996). Manakala, Hassan al-Banna ada menyatakan luahan dan harapan bahawa ingin melihat para belia memiliki dalam diri mereka empat faktor penting iaitu insan yang kental jati diri, penuh keikhlasan yang jitu, keberanian dan semangat juang yang tinggi (hadapi cabaran) dan mampu bekerja (beramal) menurut kemampuan fizikal mereka (Hassan al-Banna, 1949).

#### 4.1 Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, secara ringkasnya memperlihatkan antara kaedah-kaedah untuk membangunkan jati diri remaja delinkuen adalah dibahagikan kepada dua dimensi iaitu pembangunan dari aspek spiritual dan fizikal. Jadual 2 berikut menerangkan berkaitan kaedah-kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen berdasarkan kepada dua kategori/dimensi iaitu pembangunan spiritual dan pembangunan fizikal.

**Jadual 2: Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen**

Tahun artikel kajian	Dimensi/Kategori	
	Spiritual	Fizikal
2015	✓	
2015		✓
2015	✓	✓
2017	✓	
2017	✓	✓
2018	✓	✓
2018	✓	✓
2018	✓	
2018	✓	
2019	✓	✓
2020	✓	✓

Hasil analisis artikel kajian terbitan 2015 sehingga 2020, mengemukakan kaedah pembangunan spiritual lebih banyak menyumbang kepada proses pembangunan dan pembentukan jati diri remaja delinkuen. Ini kerana pembangunan spiritual merupakan pembangunan yang paling asas dalam Islam. Hal ini turut


disokong oleh Suriani, Fariza & Phayilah (2018) turut menjelaskan bahawa elemen spiritual daripada perspektif Islam adalah penting dalam usaha pembentukan diri seseorang. Namun begitu, pembangunan fizikal juga adalah penting kerana kedua-dua aspek ini perlu diseimbangkan dalam proses pembangunan agar jati diri, akhlak dan sahsiah remaja yang dibangunkan, dibentuk dan dibina menjadi lebih kukuh. Sekiranya jati diri seseorang remaja telah kukuh dan kuat dari aspek spiritual dan fizikal maka kebarangkalian untuk golongan remaja terjebak dengan aktiviti atau salah laku delinkuen yang tidak bermoral adalah kurang. Kekuatan spiritual dan fizikal yang telah ditanam dan dipasak dengan kukuh dalam diri remaja sendiri akan membantu untuk menghalang, menangkis dan mengelak daripada terjebak dengan perkara-perkara yang negatif serta boleh merosakkan diri sendiri.

Seperti mana yang dijelaskan oleh Kamarul Jasmi (2007) iaitu jati diri Islam merujuk kepada kefahaman terhadap hakikat diri sebagai manusia yang terbina daripada gabungan antara kemampuan fizikal dan kemantapan rohani atau spiritual. Kemampuan fizikal pada manusia tidak ternilai tanpa kemantapan rohani. Ini disebabkan fizikal terbentuk daripada tanah sedangkan rohani atau roh adalah datang daripada Allah S.A.W (Mazlan Zainol, 2006). Gabungan kedua-dua unsur ini disatukan dalam diri manusia kemudian dilahirkan ke dunia untuk memenuhi tujuan asal penciptaan ini disempurnakan pula oleh syariat Islam yang merupakan jalan kehidupan yang sempurna sejala lahir hingga mereka kembali semula kepada Penciptanya.

Maka dengan itu, usaha untuk membangun dan membentuk jati diri remaja pertamanya harus dimulakan dengan melakukan perubahan dalam diri sendiri bermula dengan spiritual atau dalaman rohaninya sendiri. Menurut Suriani, Fariza & Phayilah (2018) menyatkan hati, jiwa dan spiritual adalah tempat yang paling utama Allah SWT akan memandang dan menilai manusia. Oleh kerana itu, apabila berlakunya isu serta permasalahan berkaitan tingkah laku dan akhlak dalam kalangan remaja pada hari ini perkara utama yang perlu disentuh dan dibangunkan adalah spiritualnya.

Pembangunan fizikal atau jasmani adalah dapat dilihat, dibentuk, dibina dan dipulihkan dengan mata kasar. Pembangunan fizikal dimulai dengan pengambilan makanan yang baik untuk membina dan menjaga kesihatan tubuh badan kerana akan memberi sumber tenaga serta melindungi daripada sebarang penyakit. Sekiranya makanan yang diambil adalah daripada unsur yang tidak baik maka akan menyebabkan kepada kerosakan hati dan jiwa seseorang. Selain itu, untuk menjaga kesihatan badan seseorang harus meninggalkan aktiviti yang memudaratkan atau merosakkan tubuh badan manusia. ini merujuk kepada tabiat atau amalan menjauhi diri daripada pengaruh bahan-bahan yang boleh membahayakan diri, termasuk pengambilan bahan yang boleh membahayakan kesihatan badan seperti tidak merokok, tidak minum arak, tidak mengambil dadah, mengurangkan makanan segera, tidak makan makanan yang lebih lemak, mengurangkan pengambilan kafein, tidak mengambil gula berlebihan dan sebagainya (Hatta Sidi et al, 2003).

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam berasaskan kepada pembangunan spiritual dan pembangunan fizikal.



Rajah 1: Kaedah Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen Menurut Islam

### a. Pembangunan Spiritual

Pembangunan jati diri remaja berasaskan pembangunan spiritual merupakan aspek yang paling utama. Oleh itu, antara kaedah-kaedah pembangunan spiritual dalam diri remaja ialah:

- i. Tazkiyah al-Nafs (penyucian jiwa)
- ii. Keteguhan hati dan iman
- iii. Berbaik sangka dengan Allah SWT
- iv. Mengawal hawa nafsu
- v. Banyakkan ibadah kepada Allah SWT
- vi. Berzikir dan berdoa
- vii. Sentiasa mendidik hati dan jiwa melakukan kebaikan
- viii. Istiqamah dengan amalan kebaikan

Kaedah pembangunan jati diri remaja berasaskan pembangunan spiritual adalah dengan melakukan proses penyucian jiwa (tazkiyyah al-nafs), memperbanyakkan amal ibadat seperti berdoa, zikir, wirid, mengawal hawa nafsu, sentiasa berbaik sangka dengan Allah SWT, mendidik hati melakukan kebaikan dan istiqamah kepada amalan-amalan kebaikan yang dilakukan.

Di samping itu, Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah al-qalb (hati), al-ruh (roh), al-nafs (jiwa) dan al-'aql (akal). Komponen spiritual atau al-nafs menurutnya terdapat tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah al-nafs al-ammarah. al-Nafs al-ammarah bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberotakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah al-nafs al-lawwamah iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada satu saat mereka melanggar perintah Allah SWT tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah SWT. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah al-nafs al-mutma'innah, iaitu jiwa yang tenang. Menurut al-Ghazali lagi, jiwa manusia harus ditransformasikan menuju kesempurnaan iaitu bermula dari yang bersifat al-nafs al-ammarah hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai al-nafs al-mutmainnah (Fariza, 2015).

#### **b. Pembangunan Fizikal**

Pembangunan fizikal merupakan aspek kedua selepas pembangunan spiritual. Antara kaedah-kaedah pembangunan fizikal dalam diri remaja ialah:

- i. Memilih persekitaran/kelompok yang baik dan soleh
- ii. Uzhlah (mengasingkan diri)
- iii. Menghadiri majlis/program ilmiah seperti usrah dan kem motivasi
- iv. Memilih ikon/idola yang baik
- v. Melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara yang dilarang agama
- vi. Melakukan aktiviti berkaitan pembangunan akidah, akhlak dan syariah

Menelusuri perbincangan mengenai kaedah pembangunan jati diri remaja berasaskan kepada aspek pembangunan fizikal antaranya adalah perlu kepada pemilihan persekitaran yang baik, uzlah iaitu dengan mengasingkan diri, menghadiri majlis atau program agama, memilih ikon yang baik, melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan serta banyaka melakukan aktiviti yang berkaitan dengan pembanguna akidah, ibadah dan syariah. Sebagai contoh adalah dengan mengadakan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti sukan, gotong-royong, senamrobik kerana merupakan platform yang sangat penting dalam proses pembangunan jati diri remaja delinkuen. Melalui aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung dapat membantu golongan remaja merehatkan minda bahkan juga melahirkan tubuh badan yang sihat dan cergas. Ini bertepatan dengan pepatah arab yang berbunyi "akal yang sihat datang daripada tubuh badan yang sihat" (Nursyahidah, Nurul Husna, Yusmini, 2020).

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan artikel kajian ini, kaedah pembangunun jati diri remaja delinkuen adalah perlu menekankan kepada aspek pembangunan spiritual sebagai asas yang paling utama. Pengkaji menyarankan beberapa kaedah untuk membangunkan spiritual atau rohani diri dengan memperbetulkan dan mempunyai niat serta azam yang tinggi untuk berubah agar sentiasa memperbaiki diri sendiri menjadi hamba Allah, insan serta peribadi yang lebih baik. Perkara yang paling utama perlu dilakukan adalah dengan mendekati diri kepada Sang Maha Pencipta, Allah SWT melalui solat. Hal ini kerana, solat merupakan tunjang utama untuk seseorang yang ingin memperbaiki diri sendiri kerana dengan

memperbaiki solat maka seseorang tersebut sedang memperbaiki seluruh kehidupannya. Solat merupakan ibadah yang paling utama dan wajib ke atas setiap muslim yang mukallaf dan dengan solat juga dapat mendidik jiwa seseorang mengerti hakikat ketakwaan, ketenangan, kesabaran, tawakkal, jihad dan berpegang teguh bahawa hanya Allah sahajalah tempat pergantungan segala urusan kehidupan.

Firman Allah SWT:

الْفَحْشَاءِ عَنِ النَّهْيِ الصَّلَاةِ إِنَّ الصَّلَاةَ وَأَقِمِ الْكِتَابِ مِنَ إِلَيْكَ أَوْجَى مَا أَتَى  
٥ ٤ تَصْنَعُونَ مَا يَعْلَمُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ وَلَذِكْرُ اللَّهِ وَالْمُنْكَرِ

Maksudnya:

Bacalah Kitab (Al-Qur'an) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah salat. Sesungguhnya salat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (salat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Sural Al-Ankabut (22): 45

Seterusnya, antara kaedah lain untuk membangun jati diri remaja adalah dengan memperbanyakkan melakukan amal soleh seperti berzikir mengingati Allah SWT, bersedekah, membaca al-Quran, berbuat baik kepada kedua ibubapa dan sesama manusia serta banyak lagi perbuatan yang membawa kepada kebaikan. Oleh yang demikian, bagi golongan remaja yang ingin kembalikan jati diri semula perlulah untuk sentiasa mengingati bahawa Allah SWT sentiasa melihat segala amal perbuatan dan tingkah laku kita sama ada baik atau buruk serta harus sentiasa beriman kepada Allah SWT dan Rasul baginda Nabi Muhammad SAW serta jadikan akhirat sebagai tujuan yang paling utama dalam kehidupan.

Sabda Rasulullah SAW:

وَلَمْ ، عَيْنِيهِ بَيْنَ فَقْرَهُ وَجَعَلَ ، أَمْرَهُ عَلَيْهِ اللَّهُ فَرَّقَ ، هَمَّهُ الدُّنْيَا كَانَتْ مَنْ  
أَمْرَهُ اللَّهُ جَمَعَ ، نِيَّتَهُ الْأَخْرَةَ كَانَتْ وَمَنْ ، لَهُ كُتِبَ مَا إِلَّا الدُّنْيَا مِنْ يَأْتِيهِ  
رَاعِمَةً وَهِيَ الدُّنْيَا وَأَنْتَهُ ، قَلْبِهِ فِي غِنَاهُ وَجَعَلَ ،

Maksudnya: Dari Zaid bin Tsabit Radhiyallahu anhu, ia mendengar Rasûlullâh Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: “Barangsiapa tujuan hidupnya adalah dunia, maka Allâh akan menceraikan-beraikan urusannya, menjadikan kefakiran di kedua pelupuk matanya, dan ia tidak mendapatkan dunia kecuali menurut ketentuan yang telah ditetapkan baginya. Barangsiapa yang niat (tujuan) hidupnya adalah negeri akhirat, Allâh akan mengumpulkan urusannya, menjadikan kekayaan di hatinya, dan dunia akan mendatangnya dalam keadaan hina”.

(Imam Ahmad, no. 950)

Justeru itu, kajian ini merupakan usaha yang dilakukan pengkaji bagi mencari solusi dalam membangunkan jati diri remaja delinkuen menurut perspektif Islam. Pengkaji menasaskan output yang berimpak tinggi dapat dihasilkan, sekaligus dapat membangunkan model pembentukan pembangunan jati diri remaja di Malaysia menurut perspektif Islam.

## 5.0 Kesimpulan

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa kaedah pembangunan jati diri remaja delinkuen adalah perlu memfokuskan kepada dua aspek iaitu spiritual dan fizikal. Kedua-dua aspek ini adalah sangat penting dalam pembentukan, pembinaan, pembangunan dan pemulihan jati diri remaja yang telah terjebak dengan salah laku delinkuen. Selain itu, dapatan kajian berkaitan kaedah yang dikemukakan oleh para ilmuwan Islam seperti Imam al-Ghazali, Hassan al-Banna dan Abdullah Nasih Ulwan dalam kajian-kajian lepas juga adalah sangat relevan dan signifikan untuk digunapakai dalam proses pertambahan jati diri anak-anak dan remaja pada masa kini. Kebanyakan kajian-kajian lepas mengambil saran daripada kaedah-kaedah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh ilmuwan ini.

Seperti mana yang diketahui tazkiyyah al-nafs yang diasaskan oleh Imam al-Ghazali iaitu proses pembersihan jiwa yang merupakan kunci utama dalam pembangunan jati diri remaja muslim yang baik (Khairani Zakariya @ Abd Hamid, 2012). Sementara itu, Hassan al-Banna juga telah menyumbang dalam aspek pembinaan modal insan dengan memperkenalkan prinsip asas kefahaman (Usul 20) yang perlu ada dalam diri umat Islam (Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly, 2019). Manakala, Abdullah Nasih Ulwan pula menjelaskan mengenai kaedah-kaedah pendidikan kepada anak-anak dalam Islam yang boleh dijadikan sebagai panduan dan asas untuk mendidik, membimbing dan membentuk jati diri anak-anak.

Merujuk kepada perspektif Islam, pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa bukan sahaja dilihat daripada aspek pembangunan fizikal sahaja namun merangkumi aspek pembangunan spiritual juga yakni mengikut acuan dan panduan al-Quran dan Sunnah (Mohd Saiful, Ahmad Sunawari & Faudzinaim, 2021). Sehubungan dengan itu, dengan merujuk kepada konsep atau kaedah-kaedah Islam adalah sangat memadai untuk menjadi wasilah kepada pembangunan jati diri remaja sekaligus dapat membendung segala isu dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan remaja delinkuen pada hari ini.

## Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

## Rujukan

Abd al-Halim Uwais. (1985). *Al-Islam kama Yanbaghi An-Nu'min bihi*. Kaherah: Dar As-

Sohwah.

- Adibah Sulaiman @Mohamad, Noorsafuan Che Noh & Ezad Azraai Jamsari. (2019). JatiDiri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal. *Seminar Tamadun Etnik dan Turath Islami (i-STET)*, 204-210.
- Anwar al-Jundi. (2000). *Hassan al-Banna- Al-Dai'ah al-Imam wa Al-Mujaddid al-Syahid*. Damsyiq: Dar al-Qalaam.
- Asy-Syami,Ahmad Soleh . (1993). *Imam Al-Ghazali Hujjatul Islam wa Mujaddidu al-Mi'ah wal Khamsah*. Damsyik: Dar Al-Quran.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsia Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2), 11-30.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badruddin. (2015). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, vol.3, no.1, 11-27.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Yusmini Md Yusoff & Zainudin Hashim. (2017). Human Development according to Wsail al-Tarbiyah: A Study on Majmu'at al-Rasail by Hasan al-Banna. *Jurnal al-Tamaddun*, 12(2), 1-11.
- Fariza. (2015, Mac 12). Temubual.
- Farisha Irwayu Abdullah, Berhanundin Abdullah & Mohd Safri Ali. (2020). Sorotan Kajian Rawatan Ketagihan Dadah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 184-192.
- Fathi Yakan. (1998). *Manhajiah al-Syahid Hassan al-Banna wa Madaris al-Ikhwah al-Muslimin*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Hatta Sidi et al. (2003). *Menjaga Kesihatan Jiwa: Teknik Mengurus Stres*. Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Hassan al-Banna. (1949). *Majmu'at al-Rasail*. Dar al-Syihab.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2007). Menyemai Unsur Jati Diri Islam di Kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi. *Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi* (pp. 39-42). Hotel Hilton, Petaling Jaya: Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.
- Khairani Zakariya @ Abd Hamid. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-Sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *ATIKAN*, 2(1).
- Mazlan Zainol. (2006). *Hakikat Jati Diri Dalam Pembinaan Ummah Hadhari*. Majalah Cahaya.

- Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Mohd. Farid Mohd Sharif & Jasni Sulong. (2018). Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah al-Nafs al-Ghazali: Aplikasinya dalam Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang. *International Conference in Islamic Education: Rabbani Education*, Kelantan.
- Mohd Saiful Akmal A. Karim, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. (2021). Pendidikan Akhlak Dalam Menangani Isu Gejala Sosial Pelajar. *QALAM:International Journal of Islamic and Humanities Research, Volume 1, Issue 3*, 49-60.
- Muhammad Afif Rosli, Muhammad Talhah Ajmain, Sharul Fitry Abdul Majid & Muhammad Na'im Iman Zulkifly. (2019). Pengaruh Hassan Al Banna Dalam Pembentukan Jati Diri Muslim. *Proceedings of ISPC*.
- Nasution, M. Y. (1996). *Manusia Menurut Al-Ghazali*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development, Vol. 7, No.1*.
- Nur Diyana Ahmad Puat & Berhanundin Abdullah. (2018). Pembinaan Jati Diri Remaja Felda Melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 18(1)*, 52-63.
- Nur Shahidah Pa'ad, Sayyid Buhar Musal Kassim & Abdul Rahman,Z. (2020). Pendekatan dan Pengaplikasian Motivasi Agama dalam Modul Pembangunan Diri Remaja: Kajian terhadap Motivasi Alihan Pelajar (MAP). *Jurnal Islamiyyat 42 (2)*, 137-146.
- Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff. (2017). Teori Al-Nafs Dalam Membentuk Jati Diri Remaja Menurut Perspektif Al-Quran. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*.
- Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff. (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Melalui Pembelajaran Persekitaran Sosial: Analisis Menurut Perspektif Islam. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol. 5 No.2*, 216-230.
- Nurzatil Ismah Azizan, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff & Nazneen Ismail. (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Dalam Aspek Ruhyyah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Ikon Remaja Dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam, Bil. 11, Isu 1*, 64-74.
- Saiyid Qutb. (1982). *Fi Zilal Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Salasiah. (2015, Februari 10). Temu bual.
- Siti Nur Aafifah Hashim. (2020). Pembangunan Modal Insan Melalui Konsep Tazkiyah Al-Nafs. *Jurnal Maw'izah, Jilid 3*, 17-27.

- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. (2017). Spiritual di Dalam Al-Quran: Konsep dan Konstruk. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Volume 2, Issue 1, 59-72.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2017). Tazkiyah Al-Nafs Menurut Ahli Tasawuf. *Jurnal Qolbu*, 80-108.
- Wan Jafree Wan Sulaiman. (1980). *Detik-Detik Hidupku...Hassan al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Yatimah & Mohd Tajuddin. (2008). *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharuddin. (2012). *Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina, C. (2015, Mac 13). Temubual.